

09 DEC 2002

Mahathir-Jepun (Bergambar)/I

LAWATAN DR MAHATHIR KE TOKYO DINANTIKAN RAKYAT JEPUN

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Tokyo mulai Rabu ini sangat-sangat dinantikan oleh rakyat Jepun dan jadual lawatan yang ketat telah disusun untuk Perdana Menteri.

Duta Besar Jepun ke Malaysia, Masaki Konishi berkata semasa lawatan rasmi dua hari itu, Dr Mahathir dijadual menyampaikan dua ucapan iaitu pada seminar sempena ulangtahun ke-20 Dasar Pandang ke Timur dan simposium mengenai Islam.

Lawatan Perdana Menteri kali ini adalah yang kedua ke Jepun tahun ini selepas lawatan Mei lepas.

"Ramai rakyat Jepun menghargai kebijaksanaan, pengalaman dan kepimpinan Dr Mahathir. Dia seorang negawarawan ulung Asia yang telah membuat sumbangan besar mengeratkan hubungan Jepun-Malaysia," katanya dalam temubual dengan Bernama di sini hari ini.

Konishi berkata rakyat Jepun berminat mendengar apa yang akan dikatakan oleh Dr Mahathir mengenai cara Malaysia dan Jepun mengeratkan hubungan semasa Asia sedang melalui perubahan besar dan menghadapi cabaran-cabaran baru.

Semasa lawatannya, Perdana Menteri dijadual mengadap Maharaja Akihito serta berjumpa rakan sejawat Junichiro Koizumi dan menteri-menteri kewangan, ekonomi, perdagangan dan industri. Satu perjumpaan dengan tokoh perniagaan dan korporat Jepun juga akan diadakan.

Konishi berkata buat kali pertamanya, satu simposium bertajuk "Islam: Memupuk Keamanan" akan diadakan di United Nations University di mana Dr Mahathir merupakan pemula menyampaikan ucapan.

"Ia akan menjadi ucapan yang penting...Ia adalah yang pertama dan saya percaya rakyat Jepun akan mengambil kesempatan penuh untuk meningkatkan kefahaman terhadap dunia Islam," katanya.

Konishi yang mula bertugas di Malaysia pada Januari lepas, optimis Malaysia akan memainkan peranan penting untuk mempromosikan kefahaman mengenai Islam dan menjadi hubungan pertama Jepun kepada dunia Islam.

"Bagi kebanyakan rakyat Jepun, Malaysia adalah pintu pertama ke dunia Islam dan mungkin negara (Islam) yang terdekat jika dilihat kepada kedudukan geografi," katanya.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia dan Jepun, Konishi berkata hubungan itu boleh dikembang dan dikukuhkan bukan sahaja di peringkat dua hala tetapi meliputi antarabangsa.

"Jepun dan Malaysia telah menikmati hubungan dua hala yang cemerlang. Kita mempunyai hubungan yang erat dan kerjasama ekonomi yang terus berkembang. Hubungan bukan sahaja terbatas kepada bidang politik dan ekonomi tetapi juga budaya dan pendidikan," katanya.

Sambil menyifatkan Dasar Pandang ke Timur yang dilaksana oleh Malaysia sejak awal 80-an sebagai penyumbang penting mengeratkan hubungan, beliau berkata pelbagai program telah dirancang sempena sambutan Tahun Pertukaran Jepun-Asean pada Jun depan.

Program yang bertujuan mempromosikan hubungan antara rakyat itu antara lain melibatkan persembahan artis Jepun, pesta filem, ceramah, seminar, pameran dan promosi pelancongan yang akan diadakan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain Malaysia.

Beliau yang menolak anggapan bahawa rakyat Jepun takut melawat Malaysia kerana imej Islamnya berkata bahawa kedua-dua kerajaan bersetuju meningkatkan promosi pelancongan antara kedua-dua buah negara.

Bagi meningkatkan hubungan ekonomi, Konishi berkata Jepun telah mencadangkan kerjasama ekonomi lebih erat dan komprehensif dengan Malaysia.

"Acara-acara bukan sahaja melibatkan perdagangan dan pelaburan tetapi bidang lain seperti pendidikan, sains, teknologi, pengangkutan dan pelbagai sektor industri," katanya.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara pada tahun lepas berjumlah RM98.5 bilion dan Jepun merupakan rakan dagang Malaysia yang kedua pentingnya dengan mencatatkan 17 peratus jumlah dagangan global Malaysia.

Tahun lepas, 17.2 peratus import Malaysia datanginya dari Jepun dengan eksport ke Jepun sebanyak 13.3 peratus. Jepun juga kekal sebagai pelabur asing kedua terbesar selepas Amerika Syarikat dengan nilai pelaburan kira-kira RM5 bilion.

"Kita boleh mengadakan kerjasama ekonomi yang erat dan kerangka padu bagi meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi, saya percaya ia akan meningkatkan jumlah perdagangan dan pelaburan," katanya.

Beliau menyifatkan ekonomi Malaysia sebagai cemerlang yang disokong oleh asas yang kukuh dan semua petunjuk menggambarkan ekonominya sedang berkembang.

Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi 5.6 peratus pada suku ketiga tahun ini dan pertumbuhan tahun ini dijangka melebihi empat peratus.

Beliau berkata Alumni Persatuan Dasar Pandang ke Timur (ALEPS) telah dibentuk bagi mempromosikan kefahaman kebudayaan di kalangan anggotanya.

"Pada masa ini, kira-kira 6,300 pelajar dan pelatih telah menimba bukan sahaja teknologi tetapi juga etika kerja serta cara pengurusan dan pemasaran Jepun. Mereka turut menjadi penyumbang besar kepada ekonomi Malaysia,

"Semasa berada di Jepun, mereka berinteraksi dengan ramai rakyat Jepun dan membantu orang Jepun mengenali negara anda," katanya.

Sambil menyatakan komitmen Jepun menyokong dasar itu, beliau mencadangkan beberapa perubahan untuk menjadikan ia lebih berkesan dalam keperluan perubahan semasa.

Antara cadangannya ialah supaya Malaysia melatih sendiri guru-guru bahasa Jepun, memberi penekanan kepada kursus sarjana dan mengurangkan tempoh belajar di Jepun dengan mengadakan program berkembar bagi mengurangkan kos.

Ditanya mengenai cadangan Dr Mahathir supaya Jepun menubuhkan sebuah universiti di rantau ini yang menawarkan latihan vokasional dan teknikal, Konishi berkata sehingga kini, rundingan sebanyak tiga kali telah diadakan antara kerajaan Malaysia dan Jepun dengan yang terakhir bulan lepas.

"Saya difahamkan bahawa universiti itu akan menjadi universiti awam sepenuhnya dan ditubuhkan mengikut undang-undang Malaysian. Malaysia sedia menawarkan tapak dan bangunan manakala Jepun menyediakan kakitangan dan peralatan.

"Konsep universiti teknikal ini hampir menjadi nyata dengan rundingan yang berterusan, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan bahawa kajian kebolehlaksanaan dijalankan bulan depan berkenaan isu kewangan, disiplin dan kurikulum," katanya.

Cadangan penubuhan universiti itu dibuat pada perjumpaan antara pemimpin Asean dengan Perdana Menteri Jepun di Sidang Kemuncak Asean di Bandar Seri Begawan pada November tahun lepas.

Konishi berkata universiti itu akan menjadi universiti pertama diwujudkan di luar Jepun dan Malaysia telah menyatakan harapan agar ia dapat beroperasi mulai September depan.

-- BERNAMA

HS MFJ JK MOZ